

PROGRAM BULAN BAHASA KEBANGSAAN INSTUN TAHUN 2025

14 Oktober 2025, Tanjung Malim - Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP) INSTUN telah menganjurkan Program Bulan Bahasa Kebangsaan INSTUN Tahun 2025 bertempat di Speaker's Corner, Perpustakaan INSTUN.

Majlis bermula dengan ucapan daripada Pengarah INSTUN disusuli dengan sesi ulasan buku oleh Pendaftar, Puan Wan Nadirah Binti Wan Yaheya,

Pada majlis tersebut, Tuan Pengarah INSTUN juga sudi meluangkan masa menyempurnakan sesi penyampaian hadiah kepada pemenang Program Bulan Bahasa Kebangsaan INSTUN Tahun 2025.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dan kerjasama dalam menjayakan program ini. Semoga usaha murni ini menjadi wadah untuk memperkukuh jati diri serta memperkasa kedudukan bahasa kebangsaan di kalangan warga INSTUN.



